



Headline: Warden rugi RM100,000 ditipu 'parcel scam'  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 6 June 2018

Language: Malay  
Section: Jenayah  
Page: 23

## Warden rugi RM100,000 ditipu 'parcel scam'

**Kuala Lumpur:** Seorang warden asrama kerugian hampir RM100,000 disyaki ditipu sindiket Parcel Scam selepas berkenalan dengan seorang lelaki dipercayai menyamar sebagai 'mat saleh' dari Amerika Syarikat.

Sumber berkata, warden lelaki berusia 53 tahun itu berhubung dengan suspek menerusi aplikasi WhatsApp yang kemudian dikatakan memberitahu mahu mengirim barang dan meminta mangsa menyimpannya.

"Mangsa berkenalan dengan suspek dikenali sebagai Michael Jose Jeffry melalui Facebook dan kemudian berhubung menerusi WhatsApp.

"Suspek didakwa memberitahu warden terbabit dia mengepos barang dan meminta mangsa menyimpannya. Suspek kononnya akan datang ke negara ini untuk mengambil barang itu," katanya ketika dihubungi, semalam.

### **Bayar cukai RM10,000**

Sumber berkata, mangsa dikatakan bersetuju dan memberikan alamat rumah sebelum menerima panggilan mendakwa daripada syarikat kurier, 10 Mei lalu.



Mangsa berkenalan dengan suspek dikenali sebagai Michael Jose Jeffry melalui Facebook dan kemudian berhubung menerusi WhatsApp. Suspek didakwa memberitahu warden terbabit dia mengepos barang dan meminta mangsa menyimpannya. Suspek kononnya akan datang ke negara ini untuk mengambil barang itu"

**Sumber**

Katanya, pemanggil wanita itu didakwa memaklumkan mangsa perlu membayar cukai RM10,000 kerana barang dikirim sudah tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) tetapi melebihi had berat.

"Mangsa kemudian membuat bayaran RM10,000 ke dalam satu akaun bank diberikan. Bagaimanapun, mangsa mendakwa sekali lagi dihubungi kakitangan syarikat kurier yang meminta dia menjelaskan RM40,100 lalu melakukan transaksi jumlah itu.

"Namun, mangsa dihubungi sekali lagi kononnya barang dikirim perlu mendapat kelulusan kerana tidak disahkan pihak berkuasa negara ini.

"Seorang lelaki memperkenalkan diri pegawai bernama Remy meminta mangsa membayar RM200,000. Mangsa hanya memin-dahkan RM15,000 pada 21 Mei dan RM15,000 lagi pada 30 Mei lalu," katanya.

Katanya, mangsa mendakwa sekali lagi diminta membayar RM30,000 tetapi mula mengesyaki ditipu sebelum membuat laporan polis.

Timbalan Ketua Polis Daerah

Gombak, Superintendan Tey Kong Seng mengesahkan menerima laporan mangsa dan siasatan dilakukan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

### **Pengarah rugi RM33,000**

Sementara itu, seorang pengarah syarikat rugi RM33,000 selepas menerima panggilan sindiket Macau Scam menyamar pegawai bank dan pegawai polis.

Mangsa yang dikenali sebagai Zue, 50-an, berkata pada awalnya menerima panggilan seorang wanita mengaku pegawai bahagian khidmat pelanggan syarikat perbankan memaklumkan dirinya berbelanja kira-kira RM8,000 bagi pembelian barangan di kompleks beli-belah di Subang menggunakan kad kredit.

"Selepas menafikan ada mendaftar kad kredit dan berbelanja di situ, wanita terbabit kemudian memaklumkan kemungkinan ada pihak lain sudah menggunakan maklumat peribadi saya untuk memiliki kad kredit.

"Kira-kira 15 minit kemudian, seorang lelaki mengaku anggota polis menelefon dan memaklumkan menerima aduan pihak bank

mengenai kes penyalahgunaan maklumat milik saya," katanya ketika dihubungi NSTP, semalam.

Zue berkata, beliau menerima satu lagi panggilan daripada seorang lelaki yang mengaku pegawai bank memaklumkan namanya turut terbabit aktiviti perjudian dalam talian di tiga premis dan satu waran tangkap dikeluarkan polis kerana terbabit aktiviti perjudian.

"Pegawai bank berkenaan meminta saya membuat pindahan wang ke satu akaun lain bagi memastikan wang milik saya selamat demi membantu saya.

"Kerana takut dan khuatir, saya buat tujuh transaksi pindahan wang ke akaun baharu yang diberikan.

"Saya sedar ditipu selepas beberapa jam lelaki itu gagal dihubungi bagi mengetahui perkembangan lanjut mengenai masalah dihadapi," katanya.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Muhammad Azlin Sadari ketika dihubungi mengesahkan menerima aduan mangsa dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.